



# **GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE SPORTS COMPLEX**

## **PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN KOMPLEKS SUKAN GERMAN-MALAYSIAN INSTITUTE (GMI) PENGESAHAN TEMPAHAN PELAJAR DAN KAKITANGAN**

---

1. Pelajar dan staff diminta untuk membuat Tempahan (booking) untuk penggunaan fasiliti di Kompleks Sukan.
2. Tempahan hendaklah dibuat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh penggunaan menggunakan borang yang boleh didapati di Pejabat Kompleks Sukan (Waktu pejabat) dan di hantar ke kaunter yang sama. Tempoh maksimum tempahan adalah untuk 2 minggu berturut-turut sahaja.
3. Waktu penggunaan adalah seperti berikut :

**Ahad – Khamis : 8:00 pagi – 11:30 malam**

**Jumaat – Sabtu : 8:00 pagi – 12:00 tengah malam**

SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN Fasiliti Kompleks Sukan adalah seperti termaktub di dalam “Rules and Regulations for Use of Sports Complex Facilities”

4. Keutamaan penggunaan adalah seperti berikut :
  - i. Aktiviti rasmi, aktiviti GMI ( Karnival Sukan, Pertandingan )
  - ii. Kelab da Persatuan GMI & MPU 4
  - iii. Individu (Kakitangan dan Pelajar)
5. Jadual penggunaan fasiliti boleh disemak di laman sesawang GMI.

## **SYARAT-SYARAT AM**

1. Setiap penggunaan memerlukan kelulusan dari Unit Sukan GMI.
2. Setiap tempahan tidak boleh melebihi 3 jam.
3. Pengguna hendaklah berpakaian sukan yang lengkap.
4. Semua kawasan di Kompleks Sukan adalah kawasan larangan merokok.
5. Seluruh kawasan dalam dewan badminton, gelanggang futsal, gelanggang skuash dan gimnasium adalah kawasan dilarang makan dan minum.
6. Minuman keras adalah dilarang sama sekali.
7. Sebarang aktiviti jualan adalah tidak dibenarkan semasa aktiviti sedang diadakan kecuali mendapat kebenaran Unit Sukan GMI.
8. Sebarang persiapan atau raptai di kawasan Kompleks Sukan perlu mendapat pengesahan Unit Sukan GMI
9. Sebarang aktiviti yang dilakukan mestilah tidak bercanggah dengan hukum Islam atau dasar-dasar GMI.
10. Sebarang aktiviti yang melibatkan permainan muzik hendaklah dihentikan ketika azan dilaungkan di Surau GMI.
11. Pengguna hendaklah memastikan kawasan yang digunakan dibersihkan oleh selepas aktiviti.
12. Pengguna hendaklah menjaga kemudahan dan tidak melakukan vandalisma. Jika berlaku sebarang kerosakan, pengguna hendaklah melaporkan segera kepada Unit Sukan.
13. Jika berlaku sebarang kecederaan, pengguna hendaklah melaporkan segera pada kakitangan yang bertugas.

14. Kemudahan Kompleks Sukan hanya untuk pelajar dan kakitangan GMI dan orang luar tidak dibenarkan menggunakan kemudahan kompleks sukan tanpa kebenaran Unit Sukan
15. Meletakkan kenderaan di tempat yang disediakan.
16. Sila ajukan sebarang pertanyaan ke e-mail [sport-sa@gmi.edu.my](mailto:sport-sa@gmi.edu.my)